



KUMPULAN Proaspirasi
meraikan kejayaan mereka
di UTHM, semalam.

Proaspirasi menang besar

■ Jumlah keluar mengundi pilihan raya kampus UTHM hanya 55.38 peratus

Oleh Hafidzul Hilmie

Mohd Noor

hafidzul@hmetro.com.my

Batu Pahat

Kumpulan Proaspirasi mencatat ke menangan dua pertiga apabila memenangi 22 daripada 33 kerusi yang dipertandingkan pada pilihan raya kampus Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Keputusan itu menjadikan kumpulan Proaspirasi menguasai kerusi Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) yang ditawarkan termasuk menang tanpa bertanding empat kerusi pada hari penamaan calon.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UTHM Profesor Dr Amer Hashim Mohd Kassim berkata, pada kali ini Proaspirasi menambah tiga kerusi berbanding tahun lalu.

Menurutnya, suasana pengundian juga berjalan dengan aman dan tidak mempunyai sebarang provokasi dan konspirasi daripada penyokong calon bertanding.

“Bagaimanapun, sedikit mengecewakan pihak universiti apabila jumlah penuntut yang keluar mengundi hanya 55.38 peratus,” katanya selepas mengumumkan keputusan

itu di sini, semalam.

Amer Hashim berkata, tempoh berkempen juga berjalan dengan amat baik kerana tidak mempunyai sebarang provokasi terhadap calon lain mahupun universiti.

“Kita berharap proses pilihan raya kampus pada masa akan datang juga berjalan seperti ini kerana ini menunjukkan mereka sudah mula matang.

“Setakat ini, tiada bantahan daripada kumpulan promahasiswa dan kami menjangkakan pada 11 Disember ini MPP baru akan diwujudkan,” katanya.

Menurutnya, pihak universiti berharap pemimpin pelajar yang dipilih dapat melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka.

FAKTA
Kumpulan
Proaspirasi
menguasai dua
pertiga kerusi
MPP